

21/07/1998

Rakyat Sarawak terus berjuang capai kemajuan

MIRI, Isnin - Perpaduan dan kestabilan sosiopolitik akan terus menjadi faktor utama yang membawa kepada kemajuan Sarawak, walaupun negara terus diancam masalah kegawatan ekonomi.

Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud, berkata keyakinan itu akan bertambah apabila kekuatan asas ekonomi negeri ini turut menjadi sandaran.

Berucap merasmikan serentak mesyuarat perwakilan Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PPB) Lambir, Piasau, Senadin, Telang Usan dan Marudi, di sini, beliau melahirkan keyakinan Sarawak akan terus berjuang mencapai kemajuan walaupun negara teruk dihimpit kegawatan ekonomi.

"Justeru, rakyat harus mempersiapkan diri menghadapi kenyataan ini dengan tabah dan penuh kesabaran.

"Kita harus bersatu padu dan sama-sama menegakkan perjuangan agar kita dapat terus bertahan lama," katanya pada majlis yang turut dihadiri Timbalan Ketua Menteri, Datuk Dr George Chan Hong Nam dan Tan Sri Alfred Jabu anak Numpang, Menteri Pertanian, Datuk Amar Sulaiman Daud serta beberapa ahli majlis tertinggi PBB Pusat.

Taib yang juga Presiden PBB turut menegaskan pentingnya rakyat berdiri teguh di belakang kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam menangani masalah kegawatan ekonomi.

Sambil mengkritik Barat, beliau berkata ada pihak yang iri hati dan tidak mahu melihat negara ini pantas maju, justeru, mereka sengaja menyebarkan pelbagai fitnah bertujuan menghancurkan lagi negara ini.

"Kita di Sarawak akan tetap berdiri teguh di belakang Perdana Menteri dalam membawa negara ini keluar dari masalah itu," katanya.

Taib yang dijangka menang tanpa bertanding bagi jawatan presiden dalam pemilihan PBB hujung bulan depan, menasihatkan ahli parti menjadikan konsep realiti baru sebagai dasar asas yang adil kepada semua pihak.

Menurutnya, PBB perlu melihat lebih jauh ke hadapan dan membentuk kepemimpinan yang baik agar dapat membawa rakyat yang mundur menjadi maju dan terus melonjak.

Beliau turut mengingatkan ahli parti itu supaya tidak mempedulikan tindakan segelintir pihak yang cuba membawa masuk Umno ke negeri ini kononnya hendak menolong rakyat yang sedang dalam kesusahan.

Sebaliknya, beliau menasihatkan golongan berkenaan supaya kembali kepada perjuangan asal PBB dan membentuk keutuhan parti di semua peringkat agar Sarawak terus maju pada masa depan.

(END)